



10 Januari 2020
KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

PEMERIKSAAN KENDERAAN SECARA SUKARELA (VVI) PERCUMA SEMPENA TAHUN BARU CINA 2020 OLEH PUSPAKOM

Shah Alam, 10 Januari – Sebagai sebuah syarikat yang berpengalaman selama 25 tahun dalam industri pemeriksaan kenderaan di Malaysia, PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM) sekali lagi menganjurkan kempen Pemeriksaan Kenderaan Secara Sukarela Percuma #drivesafenoregrets kepada semua pemilik kenderaan persendirian. Kempen tanggungjawab sosial ini adalah bersempena sambutan Tahun Baru Cina 2020 bertujuan membantu pemilik dan pemandu kenderaan memastikan kenderaan mereka selamat dipandu di atas jalan raya ketika pulang ke kampung sempena musim perayaan melalui pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM.

Kempen ini akan dijalankan selama 11 hari bermula pada 11 Januari hingga 21 Januari 2020 di semua Pusat Pemeriksaan Kenderaan PUSPAKOM (kecuali Shah Alam dan Pasir Gudang yang dikhaskan untuk kenderaan berat sahaja) sepanjang waktu operasi di cawangan masing-masing. Selain pemeriksaan di pusat pemeriksaan, PUSPAKOM turut menyediakan unit bergerak yang akan menjalankan pemeriksaan kenderaan sukarela percuma di beberapa tempat terpilih seperti berikut:

1. Taman Pudu Ulu, Kuala Lumpur pada 11 Januari 2020
2. Dataran Dewan Gemilang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi pada 14 Januari 2020
3. Tesco Extra Ampang (parkir blok B) pada 18 Januari 2020
4. Insa Dunia Food Court Car park, Bukit Mertajam Pulau Pinang pada 22 Januari 2020
5. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Alor Setar, Kedah pada 23 Januari 2020

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Encik Shukor Ismail berkata, “Setiap kali menjelang musim perayaan, pemilik dan pemandu kenderaan yang bertanggungjawab akan terfikir untuk menyelenggara kenderaan mereka sebelum pulang ke kampung. Kami menggalakkan mereka untuk mengambil peluang menjalani Pemeriksaan Kenderaan Secara Sukarela Percuma yang ditawarkan PUSPAKOM melalui kempen



#drivesafenoregrets ini. Pemeriksaan ini akan memberikan bacaan dan laporan prestasi 25 item pemeriksaan kenderaan iaitu termasuk keadaan tayar, gelincir sisi, suspensi, pelepasan asap, pemeriksaan bahagian atas dan bawah kenderaan, pemeriksaan cermin gelap dan lain-lain lagi. Laporan pemeriksaan yang dijana boleh digunakan sebagai rujukan pemilik kenderaan sebelum mahupun selepas penyelenggaraan dilakukan di bengkel kenderaan. Fi sebenar Pemeriksaan Kenderaan Secara Sukarela ini adalah RM50 bagi sebuah kenderaan. Namun dalam tempoh kempen berlangsung, pemeriksaan ini adalah percuma.”

“Kami di PUSPAKOM sentiasa mengambil berat tentang keselamatan kenderaan dan pengguna jalan raya di Malaysia. Peranan PUSPAKOM adalah membantu pemilik kenderaan untuk memastikan tahap keselamatan kenderaan secara menyeluruh melalui pemeriksaan dengan menggunakan peralatan pemeriksaan yang mengikut standard yang sama digunapakai oleh negara-negara lain. Oleh itu, sempena perayaan Tahun Baru Cina yang bakal tiba, saya menyeru semua pemilik dan pemandu kenderaan persendirian untuk merebut peluang ini dengan menghantar kenderaan ke PUSPAKOM bagi menjalani pemeriksaan secara percuma”, katanya lagi.

Sempena kempen ini, PUSPAKOM juga menerbitkan sebuah video pendek yang bertajuk Temui Jodoh di VVI –“Jodoh Pertemuan Tidak Disangka, Namun Keselamatan Kenderaan Perlu Dijaga”. Video pendek ini boleh ditonton di laman Youtube PUSPAKOM Sdn Bhd atau di laman Facebook PUSPAKOM Sdn Bhd.

Untuk segala pertanyaan tentang pemeriksaan kenderaan sukarela percuma, sila hubungi 1-800-88-6927 atau layari laman web www.puspakom.com.my atau laman Facebook PUSPAKOM Sdn Bhd.

###

Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan

Ibu Pejabat PUSPAKOM Sdn. Bhd.

Tel: +603-2052 7465 / 7322

Gambar 1



Kapsyen: Poster Pemeriksaan Kenderaan Sukarela Percuma sempena Tahun Baru Cina 2020.

Gambar 2



Kapsyen: Pemeriksaan brek dijalankan menggunakan peralatan pemeriksaan berkomputer.

Gambar 3



Kapsyen: Pasukan Unit Bergerak PUSPAKOM memeriksa ketelusan cermin gelap kenderaan.